

Usaha bersama banteras dadah – Mohd. Johari

15 September 2016

Usaha bersama banteras dadah – Mohd. Johari

KUALA LUMPUR 14 Sept. - Semua pihak termasuk pemimpin masyarakat, parti politik, ketua jabatan kerajaan dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) disaran memberikan kerjasama kepada pihak berwajib dalam usaha membanteras penagihan dan penyalahgunaan dadah.

Yang Dipertua Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam), Datuk Seri Mohd. Johari Baharum berkata, usaha membanteras penyalahgunaan dadah bukan tanggungjawab agensi penguat kuasa sahaja, sebaliknya memerlukan kerjasama semua pihak.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pertahanan berkata, tindakan menuding jari dan menyalahkan Pemadam kononnya gagal melaksanakan tugas sete-

lah diberikan peruntukan yang banyak oleh kerajaan setiap tahun adalah tindakan yang tidak wajar.

“Ini kerana, penyalahgunaan najis dadah tidak mengenal pangkat, darjat, umur, latar bangsa mahupun sempadan negara dan langkah membanterasnya memerlukan penglibatan seluruh komuniti termasuk NGO, pemimpin politik dan masyarakat serta ketua di setiap agensi kerajaan mahupun swasta,” katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Kenyataan itu dibuat susulan tindakan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Tan Sri Shahriyat Abdul Jalil yang mempersoal peranan dan keberkesanan usaha membanteras dadah oleh Pemadam.

Mohd. Johari berkata, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi suatu ketika dahulu pernah mengisytiharkan 2015 sebagai Tahun Sifar Dadah, namun usaha tersebut juga tidak berjaya mencapai matlamatnya.

“Penagihan dan penyalahgunaan dadah adalah masalah nasional dan telah diisytiharkan musuh nombor satu negara semenjak perjanjian damai dengan Komunis tahun 1989.

“Justeru, saya menyeru semua pemimpin sama ada NGO, parti politik, ketua jabatan agensi kerajaan dan pemimpin masyarakat supaya memberi kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan dalam usaha membandung dan mencegah masalah sejagat yang semakin kompleks ini,” katanya.